

Sudah 11 bulan pandemik COVID-19 melanda dunia dan dalam tempoh itu jugalah industri pelancongan bergelut untuk bertahan dan terus bertahan. Persoalannya, sampai bilakah mereka mampu bertahan? Apatah lagi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan pandemik ini hanya akan berakhir dalam tempoh dua tahun.

Menurut Ketua pengarah WHO, Dr. Tedros Adhanom Gheyreyesus, beliau percaya bahawa pakar perubatan mempunyai pengetahuan dan teknologi untuk menghentikan pandemik ini, tetapi hal itu tentulah memerlukan sedikit masa. Beliau mengambil contoh virus Spanish Flu yang menular pada tahun 1918 dan telah membunuh sebanyak 50 juta orang. Namun begitu, selepas tempoh dua tahun, virus tersebut berjaya dikawal sepenuhnya.

Melihat perkembangan terkini COVID-19, Tedros berpendirian bahawa dengan pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi, virus berkenaan akan lebih mudah tersebar, namun beliau mengakui bahawa kemajuan teknologi akan membolehkan pakar mencari jalan penyelesaian yang lebih cepat. Hal itu juga akan dibantu dengan solidariti global.

Di Malaysia, dalam usaha membantu pemain industri pelancongan untuk berhadapan dengan pandemik COVID-19, pada 10 Jun lalu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengumumkan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan bagi membolehkan ekonomi negara pulih dengan segera akibat pandemik ini.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Nancy Shukri menjelaskan bahawa sebagai permulaan, kerajaan mahu usaha tersebut dibuktikan menerusi sokongan pelancong domestik, iaitu dengan berganding bahu dan bersama-



## Industri Pelancongan Bertahan dan Terus Bertahan

PANDEMIK COVID-19 benar-benar menjejaskan industri pelancongan bukan sahaja di Malaysia, malah di serata dunia. Daripada pengusaha rangkaian hotel, taman tema, muzium, peniaga dan pengusaha kecil dan sederhana, sehinggalah industri pengangkutan darat, laut dan udara – semuanya terjejas!

sama menyemarakkan semula industri pelancongan negara sekali gus meletakkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat untuk dikunjungi meskipun pandemik COVID-19 belum berakhir.

“Hal ini seiring dengan misi negara pada masa hadapan apabila sektor pelancongan mula dibuka untuk pengunjung luar dan apabila keadaan kembali pulih pada suatu hari nanti,” jelasnya Nancy dalam sidang media di Kuala Lumpur.

Tambah beliau lagi, demi merancakkan semula industri pelancongan dan kebudayaan negara, strategi awal Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan telah pun dikenal pasti dalam membantu

meringankan beban penggiat industri pelancongan. Strategi tersebut termasuklah pelaksanaan kursus Domestic Tourism Vibes secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan Malaysian Tourist Guide Council (MTGC) yang telah pun bermula pada Mei hingga November 2020 dengan menghususkan kepada kumpulan pemandu pelancong berlesen yang akan tamat tempoh lesen pemanduan bermula April hingga Disember 2020.

Kerajaan juga mengumumkan pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 atau

Akta 482 bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020. Selain itu, pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40 peratus kepada semua perusahaan pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020; perlanjutan tempoh bayaran kompaun hingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen; dan pengecualian kompaun kepada pengusahaan pelancong dan pemandu pelancong yang gagal memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan syarat permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tamat tempoh PKP.

Tambah beliau, bagi sektor kebudayaan, MOTAC turut mengambil inisiatif untuk memperkenalkan pelbagai program secara dalam talian sepanjang tempoh PKP dan PKP Bersyarat (PKPB).

Antara tiga segmen program secara dalam talian adalah seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Seni Budaya
- (ii) Program Pengembangan Seni Budaya
- (iii) Program Pemasaran dan Promosi.

Selain itu, MOTAC melalui Tourism Malaysia juga telah mengenal pasti beberapa program bagi merancang lagi pelancongan domestik. Antaranya termasuklah aktiviti perhubungan awam merentas negeri (*intra and interstate PR activation*) dengan syarikat radio tempatan untuk mempromosikan tempat menarik di seluruh Malaysia. Tourism Malaysia juga membantu penggiat industri mempromosikan produknya melalui laman web [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) dan media sosial yang tersedia pada peringkat ibu pejabat dan pejabat wilayah; dan mempromosikan

Kempen Cuti-cuti Malaysia untuk menggalakkan rakyat di negara ini untuk melancong di dalam negara sejajar dengan hebahan kerajaan.

Selain itu, MOTAC juga mengalukan semua pemain industri yang terlibat menggunakan platform, seperti Cuti-cuti Malaysia E-Travel Fair, E-Corporate Bazaar dan Malaysia Tourism Travel Bazaar bagi membantu industri memperbanyak lagi tawaran pakej menarik kepada pengguna. Platform e-korporat bazar juga akan turut diperluaskan kepada industri MICE domestik. Penggiat industri juga turut digalakkan untuk mengumpul pakej yang menarik dan mengemukakannya kepada Tourism Malaysia melalui persatuan pelancongan yang sedia ada untuk dimasukkan dalam platform yang sedia ada seperti [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) dan Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) yang akan diteruskan dan dipermudahkan dari semasa ke semasa terutamanya untuk aktiviti promosi dan pemasaran domestik.

Bagi meningkatkan keselamatan dan taraf kesihatan pelanggan, pembukaan kembali sektor pelancongan domestik turut melibatkan beberapa perkara yang dilarang dan dibenarkan dengan syarat pematuhan kepada semua SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam hal ini, MOTAC telah mencadangkan sebanyak 12 subsektor pelancongan dan kebudayaan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi tujuan pembukaan yang dikategorikan kepada dua, iaitu Dibenarkan dengan SOP dan Senarai Terlarang.

Aktiviti subsektor yang dibenarkan dengan SOP meliputi pameran hasil seni, budaya dan warisan di premis dan fasiliti awam kebudayaan; premis penginapan hotel; syarikat pengendali pelancongan; pemanduan pemandu pelancong; operasi Institut Latihan Pelancongan (ILP); program

Pengalaman Homestay Malaysia; aktiviti pelancongan pengembaraan dan aktiviti lasak; dan aktiviti selam skuba dan snorkeling.

MOTAC juga memaklumkan bahawa pemain industri pelancongan dan kebudayaan perlu bersiap sedia dengan kebiasaan baharu demi memastikan kelangsungan dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Hal ini penting agar semua usaha yang dirancang dapat mengembalikan daya saing industri serta mendapat sokongan padu dan kerjasama penuh semua pihak yang berkepentingan termasuk badan bukan kerajaan dan penggiat industri yang berkaitan.

Meskipun pada ketika makalah ini ditulis, Kuala Lumpur, Putrajaya, Sabah, dan Selangor masih berada dalam PKPB dan PKP Diperketatkan akibat gelombang ketiga pandemik COVID-19, namun sebaik-baik sahaja keluk pandemik ini mampu diratakan, semua pemain industri perlu bangkit segera untuk merencanakan semula industri pelancongan. SOP yang lebih ketat demi menjaga kestabilan persekitaran industri perlu diperbaiki dari masa ke masa agar tatkala kes COVID-19 di negara ini berjaya dipulihkan, tidak adalah pihak yang leka yang boleh lagi menjerumuskan negara dalam gelombang keempat COVID-19.

Selain itu, Belanjawan 2021 pastinya akan menggariskan lebih banyak inisiatif untuk memastikan industri pelancongan tidak terus mengucup akibat dibadai pandemik COVID-19. Keyakinan rakyat untuk bersama-sama membantu memulihkan sektor ini perlu dilakukan dengan menawarkan promosi besar-besaran yang pastinya akan dapat menanam mentaliti baharu dalam kalangan rakyat Malaysia bahawa melancong di dalam negara lebih selamat sekali gus mampu menyelamatkan ekonomi Malaysia. □